

BISMILLAH  
YAB  
YAB  
YAB  
YAB  
YAB

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN  
PUSAT ISLAM, PADA HARI AHAD,  
1 MUHARRAM 1401, BERSAMAAN  
9 NOVEMBER, 1980, JAM 10.00 PAGI.

-----

## BISMILLA-HIRRAHMA-NIRRAHIM

1. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. bin Nasir
2. Yang Amat Berbahagia Tun-Tun
3. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan  
Timbalan-Timbalan Menteri,
4. Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta,
5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu 'alaikum WarahmatuLLAHI Wabarakatuh.

---

Segala pujian bagi ALLAH, Pentadbir Sekeliam  
Alam. Salawat dan salam kepada Junjungan Besar,  
Nabi kita MUHAMMAD Sallallahu 'alaihi wasallam,  
keluarga dan sahabatnya.

---

2. Syukur saya ke hadrat ALLAH Subhanahu  
Wataala, kerana, dengan limpah kurniaNYA, dapat  
kita bersama-sama hadhir di majlis meletak batu  
asas bangunan Pusat Islam yang penting dan  
bersejarah ini. Sempena dengan permulaan tahun  
baru 1401 Hijrah, saya mengambil peluang ini, untuk  
mengucapkan selamat menyambut tahun baru kepada  
umat Islam sekelian.

2.

~~Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.~~

3. Satu Muharram kali ini, memberi erti yang luas dan mendalam kepada umat Islam. Hijrah Rasulullah dari Mekah ke Madinah, mempunyai berbagai hikmat, yang harus menjadi tauladan dan panduan kepada umat Islam. Dengan panduan ALLAH, tindakan strategik Nabi kita, menjadi titik permulaan bagi perkembangan dan kegemilangan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

4. Pada hari ini juga, umat Islam di seluruh dunia, memasuki abad baru Ke 15 Hijrah, dengan

... 3/-

3.

penyuh azam dan harapan untuk mengembalikan  
ugama suci Islam, ke peringkat keagungannya.

~~yang sewajarnya.~~ Sebagaimana kita maklum,

kedatangan Abad Ke 15 Hijrah ini, adalah disambut  
cara besar-besaran oleh seluruh umat Islam.

Di negara kita, berbagai acara, juga telah disediakan.

Ketika kita memasuki Tahun Baru dan Abad baru  
ini, marilah kita sama-sama berdo'a kepada

ALLAH Subhanahu Wataala, semoga kita, umat Islam,  
sentiasa mendapat pertunjuk dan perlindunganNYA,

ditambahkan iman dan ilmu pengetahuan, dan

dipandu melalui jalan keredhaanNYA. Bersama-samalah

...4/-

4.

kita berusaha menegakkan kalimah Tauhid dan kesucian Islam, sebagaimana maksud firman ALLAH dalam Al-Quran, Surah <sup>Al- Ma-i-dah</sup> Al-Maidah, ayat ketiga: "Pada hari ini, telah KU sempurnakan bagimu ugamamu, dan telah KU lengkapi kepadamu ni'matKU, dan telah KU <sup>re-dha-i</sup> redhai Islam sebagai ugamamu".

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. ALLAH telah memberi rahmatNYA, dengan menjadikan kita sebagai hambaNYA yang menganuti Islam. Islam, sebagai agama yang lengkap dan

...5/-

5.

sempurna, adalah satu gedung yang penuh dengan segala peraturan dan ilmu pengetahuan, bagi memandu manusia untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Tidak ada jalan yang singkat, untuk mendapat keredhaan Allah. Kita dikehendaki mempelajari agama suci, dan usaha-usaha ini, tidak akan berakhir, walau pun hingga ke akhir hayat. Kita juga dikehendaki berusaha, untuk memperbaiki kehidupan kita dalam semua lapangan. Inilah tanggungjawab dan peranan kita yang berat, sebagai hamba dan khalifah ALLAH di dunia.

6.

6. Masyarakat kita, sebagai masyarakat moden, masyarakat berbilang kaum dan kepercayaan, sedang menghadapi berbagai cabaran. Umat Islam dalam masyarakat kita, juga tidak lepas daripada cabaran ini. Pengaruh kemelesetan akhlak dan keruntuhan moral, dadah, ajaran sesat, sikap keterlaluan dan militan, pelbagai jenayah, dan ideologi yang bertentangan dengan Islam seperti komunisme, adalah ancaman kepada masyarakat dan umat Islam di negara kita, dan di seluruh dunia. Perisai dan benteng yang dapat menyelamatkan umat Islam daripada gejala-gejala yang merbahaya ini, ialah Islam. Bukan ajaran

7.

ajaran

yang terpesong, atau ~~Islam~~ yang diputarbelitkan,

tetapi Islam yang sebenar-benarnya, yang mempunyai

teras keseimbangan, kesederhanaan dan toleransi,

persaudaraan dan moral yang tinggi, serta hormat-

menghormati sesama manusia.

7. Pada hemat saya, ada tiga faktor penting

yang harus diberi perhatian. Pertama <sup>ke-cha-ti-kan</sup> ----- kecetekanan

asas pengetahuan Islam, di kalangan sebahagian

daripada umat Islam. Kedua --- masyarakat Islam

sedang dahagakan ilmu pengetahuan Islam yang

mendalam. Ketiga --- musuh-musuh Islam,

8.

dengan tujuan-tujuan tertentu, cuba menggunakan apa-apa jua kelemahan dalam masyarakat, untuk menggugat negara dan melemahkan Islam. Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dengan keadaan ini.

8. Sebagai umat Islam, kita mistilah mengikut *sha-ri-ngat* yang syari'at telah ditentukan. Rukun Islam dan syari'at, adalah asas yang tidak boleh dipertikaikan.

Ia adalah pagar yang melindungi kita, daripada terkeluar daripada garisan Islam. Kita hendaklah berwaspada, terhadap mereka, yang mencari jalan

9.

singkat, sehingga mereka telah terjerumus ke jalan sesat yang merugikan mereka, dan merosakkan kesucian Islam.

9. Kita ~~harus~~ merasa dukacita diatas kesesatan, yang wujud di kalangan sebilangan anggota umat Islam. Tindakan melulu dan tidak berperikemansiaan, adalah terkeluar daripada kehendak ugama kita. Tindakan tegas perlu diambil, bagi membentaras kegiatan yang merbahaya ini. Di samping itu, usaha-usaha yang lebih berkesan dan terkawal, hendaklah dijalankan, bagi meningkatkan pengajaran Islam di kalangan masyarakat. Semua pihak

10.

hendaklah mengkaji semula usaha-usaha yang dijalankan, dengan tujuan untuk memperkembangkan strategi mengembangkan Islam dan memajukan umat Islam, dalam konteks masyarakat dan negara kita. Pada hemat saya, adalah penting bagi ulama dan cerdik-pandai dalam masyarakat kita, berganding bahu, bagi menghadapi masalah yang kita hadapi sekarang. Penggunaan cara yang lebih berkesan, serta penyesuaian teknologi moden dalam kegiatan dakwah, hendaklah diusahakan. Penyelidikan yang sesuai, hendaklah dijalankan, bagi memahami kelemahan-kelemahan umat Islam, dan seterusnya memperbaiki kedudukan mereka, dari segi kemajuan rohani dan jasmani.

11.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Kerajaan telah dan akan menjalankan usaha-usaha, bagi meningkatkan syiar Islam di negara kita. Majlis <sup>pagi</sup> ~~hari~~ ini, menandakan setapak lagi kemajuan kita dalam usaha ini. Bangunan Pusat Islam yang baru, akan menjadi Pusat Pentadbiran Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, ~~dengan~~ Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Pusat Penyelidikan Islam dan lain-lain. Saya harap, dengan wujudnya bangunan baru ini nanti, kegiatan-kegiatan yang dijalankan dapat ditingkatkan lagi. Saya mengucapkan tahniah

...12/-

12.

kepada mereka yang telah bekerja keras merancang projek ini, dan berharap ianya dapat dilaksanakan mengikut jadual dengan jayanya. ~~Di sini juga~~

<sup>juga</sup> Saya mengambil kesempatan <sup>ini,</sup> untuk mengucapkan

terima kasih kepada Amir Kuwait, yang telah bermurah hati, memberi sumbangan kewangan sebanyak \$50,000.00 kepada Pusat Islam.

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

\*\*\*\*\*



\*\*\*\*\*

|                     |        |
|---------------------|--------|
| No Siri .....       | 506    |
| No Penerimaan ..... | 110/81 |